



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	11/6/2021	MUKA SURAT	:	17
JABATAN	:	PERHILITAN			

Lepas beruang, harimau pula



LEMBU yang dibaham harimau di Felda Perasu.

Gua Musang: Lebih 200 keluarga peneroka Rancangan Tanah Felda Perasu, dekat sini, bimbang dengan ancaman beruang dan harimau

yang didakwa berkeliaran di kawasan itu sejak tiga hari lalu.

Penduduk mendakwa beruang terbabit memusnah-

kan pokok kelapa manakala harimau pula dikatakan sudah baham dua ekor lembu.

Seorang peneroka, Mohd Zain Hassan, 72, berkata, masalah ancaman beruang memang sudah lama di tanah rancangan itu, tetapi masih gagal ditangkap hingga kini.

Menurutnya, kini datang pula ancaman harimau yang membaham dua ekor lembu ternakan peneroka pada awal pagi pada Selasa lalu.

Katanya, tindakan segera perlu diambil pihak berkaitan sama ada menghalau atau memasang perangkap bagi menangkap kedua haiwan liar itu.

"Kedua haiwan berkenaan kerap dilihat berkeliaran dan pernah ditemukan berada di depan rumah pada waktu tengah malam," katanya.